

PENERBITAN E-BOOK PEJABAT KARANG MENGARANG UPSI

Cadangan dasar penerbitan E-Book oleh PKM, UPSI mulai tahun 2017 seperti berikut:-

- i. Pemilihan judul E-Book adalah buku terbitan PKM sahaja.
- ii. Harga langganan E-Book adalah seperti berikut:-

Perpustakaan	Organisasi	Individu
Harga runcit E-Book dua kali ganda daripada buku fizikal	Harga E-Book dua kali ganda daripada buku fizikal	20% lebih murah dari harga runcit buku fizikal

- iii. Surat persetujuan penerbitan E-Book dengan penulis akan dibuat bagi persetujuan penerbitan E-Book meliputi royalti yang akan diterima.
- iv. Royalti kepada penulis sebanyak 16% daripada harga jualan E-Book dan akan dibayar sekali dalam setahun.
- v. Pembahagian keuntungan PKM dengan Syarikat Agregator adalah berdasarkan kepada memorandum atau perjanjian penerbitan antara pihak UPSI dengan Syarikat Agregator.
- vi. Satu Akaun Amanah akan dibuka untuk semua hasil jualan buku E-Book bagi tujuan kutipan duit buku, bayaran royalti, pengurusan pentadbiran dan penyelarasan.
- vii. Hak cipta adalah milik UPSI bagi penerbitan E-Book.
- viii. Pembahagian harga langganan E-Book adalah seperti berikut:-

Bil.	Pembahagian Harga Langganan E-Book	Peratusan (%)	
1.	UPSI	70%	Pendapatan UPSI : 10% Penulis : 16% Akaun Amanah PKM : 44%
2.	Syarikat Agregator	30%	

juga bersetuju supaya semakan perjanjian dengan syarikat agregator dibuat setiap tahun bagi menjaga kepentingan UPSI